



SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	6/7/2018	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	NRE			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bekalan air mencukupi hingga 2025

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

HULU LANGAT - Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022 mampu menyumbang kepada pertambahan bekalan

air mentah sebanyak 1,130 juta liter sehari kepada penduduk Lembah Klang.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar berkata, fasa pertama projek LRA Langat 2 yang menelan belanja sehingga RM8 bilion dan dijangka siap November depan akan membekalkan sebanyak 325 juta liter sehari bekalan air mentah.



XAVIER (kanan) melawat LRA Langat 2, Hulu Langat semalam yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022.

Beliau berkata, penyaluran air mentah dari Pahang pada hujung tahun itu berupaya menambah bekalan rizab air di Selangor daripada tiga peratus ketika ini kepada tujuh peratus sekali gus mengelak krisis air menjelang 2020.

“Apabila LRA Langat 2 siap sepenuhnya pada 2022, pertambahan bekalan kepada 1,130 juta liter sehari mencukupi kepada penduduk di Lembah Klang sehingga tahun 2025. Pertambahan ini boleh menyelesaikan krisis bekalan air berulang.

Sengsara lagi sampai Ahad



KERATAN Kosmo! 8 Mac 2018.

“Berdasarkan statistik pada tahun 2014, setiap hari penduduk di Selangor memerlukan 4,907 juta liter air sehari sedangkan pengeluaran hanya 4,431 juta liter sehari menerusi 34 LRA di seluruh Selangor,” katanya pada sidang akhbar selepas program lawatan ke tapak pembinaan LRA Langat 2 di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji dan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Zaini Ujang.